

Rujukan Kami : UMPSA.03.08/100-1/3/3/2 (28)
Tarikh : 28 Ogos 2026

Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.5 TAHUN 2026 PERATURAN BERKAITAN PENUTUPAN AKAUN DAN TUNTUTAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2026

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.5 Tahun 2026 berkenaan dengan Peraturan Berkaitan Penutupan Akaun Dan Tuntutan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2026 untuk makluman dan tindakan YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR TS. DR. CHE KU MOHAMMAD FAIZAL BIN CHE KU YAHYA)

Menjalankan Fungsi Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

SENARAI EDARAN

- 1. Profesor Ts. Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor
- 2. Profesor Ts. Dr. Kamal bin Yusoh**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- 3. YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) /
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- 4. YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
- 5. Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang
- 6. Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
- 7. Semua Penolong Naib Canselor**
- 8. Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
- 9. Semua Dekan Fakulti / Pusat / Institut**
- 10. Ketua Pegawai Digital**
- 11. Ketua Pejabat Naib Canselor**
- 12. Semua Pengarah Kanan / Pengurus Besar**
- 13. Semua Pengarah Pusat / Pusat Kecemerlangan / Pengurus Kanan / Ketua Unit**
- 14. Semua Ketua Pusat Perkhidmatan / Unit**
- 15. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2026

Semua Dekan/Ketua Jabatan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

PERATURAN BERKAITAN PENUTUPAN AKAUN DAN TUNTUTAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2026

1.0 TUJUAN

Tujuan Pekeliling adalah untuk menerangkan tentang peraturan perakaunan yang akan berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan bagi penyediaan akaun tahunan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) berakhir 31 Disember 2026.

2.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PA3.2: Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, UMPSA dikehendaki mengemukakan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan kepada Menteri Pengajian Tinggi untuk dibentangkan di Mesyuarat Jemaah Menteri dan Parlimen selaras

dengan Seksyen 8 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240]. Surat Pekeliling Bendahari Bil.5 Tahun 2021: Pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti Bab 13 - Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan juga hendaklah dirujuk.

3.0 PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS

- 3.1 Adalah dimaklumkan bahawa peruntukan belanja mengurus tahun 2026 bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah diagihkan sepenuhnya (100%);
- 3.2 Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan peruntukan PTJ adalah mencukupi untuk membayar kesemua perbelanjaan yang telah dibuat; dan
- 3.3 Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka bayaran yang berkenaan akan dilaksanakan kepada peruntukan tahun 2027. Perkara ini tidak digalakkan kerana ia akan menjejaskan peruntukan tahun 2027.

4.0 SEBUT HARGA DAN TENDER DI BAWAH PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS, PEMBANGUNAN, AMANAH DAN PENYELIDIKAN

- 4.1 Selaras dengan peraturan peruntukan belanja mengurus yang perlu dibelanjakan dalam tahun kewangan yang sama, perolehan bagi bekalan/ perkhidmatan/ kerja hendaklah disempurnakan **sebelum 15 Disember 2026**; dan
- 4.2 Sehubungan dengan itu, tarikh akhir penghantaran permohonan Sebut Harga B, Sebut Harga Rasmi dan Tender bagi peruntukan belanja Mengurus, Pembangunan, Amanah dan Penyelidikan ke Bahagian Perolehan, Jabatan Bendahari adalah pada **15 September 2026**.

5.0 PERMOHONAN PESANAN TEMPATAN

- 5.1 Untuk memastikan kaedah perolehan pembelian terus yang bernilai sehingga RM20,000.00 bagi bekalan/ perkhidmatan/ kerja dapat dibayar pada tahun semasa, tarikh akhir penghantaran permohonan pesanan tempatan adalah **selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada 30 November 2026;**
- 5.2 Dekan/Ketua Jabatan dikehendaki untuk meluluskan semua permohonan pesanan tempatan melalui E-Community-Financial Management Dashboard **selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada 30 November 2026;**
- 5.3 Perolehan buku oleh Jabatan Perpustakaan yang menggunakan Sistem Perpustakaan juga dikehendaki untuk menyempurnakan dan meluluskan perolehan di dalam sistem **selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada 30 November 2026;** dan
- 5.4 Ini bagi membolehkan semua perbelanjaan dipertanggungjawabkan kepada peruntukan tahun 2026.

6.0 BAYARAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN DAN KERJA

- 6.1 Bagi bekalan/ perkhidmatan atau kerja yang telah diterima/ disempurnakan dalam tahun semasa, invois atau tuntutan berserta dokumen-dokumen sokongannya perlu dikemukakan kepada Jabatan Bendahari **selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada 4 Januari 2027;**
- 6.2 Bagi pembayaran secara berkala yang **sempurna perkhidmatan/ bekalan/ kerja sehingga Oktober/ November**, PTJ hendaklah menghantar tuntutan bayaran tersebut selewat-lewatnya pada **15 November/ Disember 2026**. Seterusnya, tuntutan bulan Disember dikemukakan kepada Jabatan Bendahari sebelum **4 Januari 2027**. Pembayaran berkala adalah termasuk bayaran perkhidmatan, kontrak penyelenggaraan, pembersihan dan sewaan-sewaan mesin. Sekiranya terdapat bil-bil yang belum diterima, senarai tersebut perlu dikemukakan kepada Jabatan Bendahari bagi tindakan akruan pembayaran;

- 6.3 Sebarang pembayaran/ invoice bagi pembelian terus bagi tahun 2026 yang diterima selepas 4 Januari 2027 akan dikenakan kepada peruntukan tahun 2027 dan seterusnya **tindakan AP58** akan dikenakan seperti mana Surat Pekeliling Bendahari Bil.3 Tahun 2011: Pembayaran Perbelanjaan Menggunakan Arahan Perbendaharaan 58. Selain ia akan menjejaskan peruntukan tahun tersebut, perkara ini amat tidak digalakkan bagi mengelakkan teguran daripada pihak Audit; dan
- 6.4 Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti Bab 4: Tatacara Pembayaran juga hendaklah dirujuk.

7.0 PENGESAHAN PANJAR WANG RUNCIT

- 7.1 Pada **18 Disember** setiap tahun, semua pemegang panjar wang runcit perlu mengesahkan dan mengemukakan sijil perakuan panjar wang runcit bersama-sama rekupan terakhir dan baki tunai bagi tahun tersebut kepada Jabatan Bendahari. Semua bayaran hendaklah dilaraskan ke akaun perbelanjaan sebelum akhir tahun;
- 7.2 Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut :-
- i. Dokumen-dokumen yang lazim (bil atau tuntutan) hendaklah dikemukakan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa dan hendaklah disertakan Salinan Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit; dan
 - ii. Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit pada akhir tahun 2026 mestilah ditandatangani oleh Dekan/Ketua Jabatan dan dicap dengan cap rasmi Jabatan;
- 7.3 PTJ dikehendaki mengemukakan Sijil Perakuan Panjar Wang Runcit sebelum atau pada **18 Disember** bagi mengelak teguran pihak audit; dan
- 7.4 Pekeliling Bendahari Bil.3 Tahun 2026: Garis Panduan Panjar Wang Runcit hendaklah dirujuk.

8.0 PENGHANTARAN DOKUMEN

- 8.1 Untuk memastikan penutupan akaun tahun semasa mengikut jadual, PTJ hendaklah mematuhi semua tarikh-tarikh yang telah ditetapkan; dan
- 8.2 Kerjasama semua pihak sangatlah diharapkan untuk menentukan dokumen-dokumen tersebut dihantar sendiri ke Jabatan Bendahari **selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada tarikh-tarikh yang dinyatakan**. Semua penghantaran dokumen diminta mendapatkan pengesahan akuan terimaan daripada pegawai berkenaan.

Kerjasama semua pihak adalah diharapkan dan sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,

PROFESOR TS. DR. CHE KU MOHAMMAD FAIZAL BIN CHE KU YAHYA

Yang Menjalankan Fungsi Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 28 Ogos 2026

Salinan kepada :

- 1) Naib Canselor
- 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
- 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
- 4) Penasihat Undang-Undang
- 5) Ketua Pustakawan